

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 15 Jun 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA
APRIL 2021**

**Pengeluaran getah asli
menyusut 33.5 peratus pada April 2021**

PUTRAJAYA, 15 Jun 2021 – Pengeluaran getah asli tahun ke tahun menyusut 33.5 peratus pada April 2021 kepada 23,013 tan metrik berbanding 34,616 tan metrik pada April 2020. Ini berikutan oleh faktor bermusim (*wintering period*) yang menyebabkan pokok kurang produktif. Perbandingan bulan ke bulan juga turut menurun sebanyak 36.2 peratus.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Stok getah asli menurun 7.9 peratus pada April 2021 kepada 259,355 tan metrik berbanding 281,729 tan metrik pada Mac 2021. Kilang pemproses getah menyumbang sebanyak 90.3 peratus diikuti kilang pengguna getah (9.6%) dan estet getah (0.1%). Pengurangan stok ini turut dipengaruhi oleh faktor di peringkat penawaran. Justeru, stok sedia ada juga digunakan bagi menampung pengurangan pengeluaran tersebut”.

Harga purata bagi Lateks Pekat merekodkan penurunan kepada 623.40 sen sekilogram berbanding Mac 2021 (680.20 sen sekilogram). Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) turut menunjukkan penurunan daripada 707.89 sen sekilogram kepada 667.85 sen sekilogram bagi tempoh yang sama. Penurunan ini berikutan kebimbangan kepada


pasaran hadapan getah di peringkat global (*Malaysian Rubber Board Digest*, April 2021).

Jumlah penggunaan getah asli di peringkat domestik ialah 47,096 tan metrik, meningkat 31.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Perubahan tahun ke tahun ini merupakan yang tertinggi dicatatkan berbanding perubahan pada suku pertama tahun ini. Perbandingan dengan Mac 2021 pula menunjukkan penurunan sebanyak 5.3 peratus. Penggunaan getah asli dalam pembuatan sarung tangan getah kekal mendahului sebanyak 34,716 tan metrik atau 73.7 peratus daripada jumlah penggunaan domestik pada April 2021 diikuti benang getah 4,198 tan metrik (8.9%) dan tayar dan tiub 3,588 tan metrik (7.6%). Penggunaan getah asli dalam pembuatan sarung tangan getah pada April 2021 meningkat sebanyak 10.4 peratus berbanding 31,456 tan metrik pada April 2020.

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 55,696 tan metrik pada April 2021, menurun 5.4 peratus berbanding 58,852 tan metrik pada Mac 2021. China terus kekal sebagai destinasi utama eksport getah asli menyumbang 57.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2021 diikuti Jerman (8.1%), Amerika Syarikat (3.9%), Turki (2.6%) dan Finland (2.4%).

“Sarung tangan getah merupakan item eksport utama dengan nilai eksport RM6.7 billion pada April 2021, meningkat sebanyak 4.7 peratus berbanding Mac 2021 (RM6.4 billion). Amerika Syarikat adalah negara pengimport tertinggi sarung tangan getah diikuti Jerman dan United Kingdom,” katanya lagi.

Pengeluaran, eksport, import, penggunaan domestik dan stok bulanan bagi getah asli 2020-2021



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 JUN 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, June 15th 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
APRIL 2021**

***Production of natural rubber
decreased 33.5 per cent in April 2021***

PUTRAJAYA, June 15, 2021 – Production year-on-year declined 33.5 per cent in April 2021 to 23,013 tonnes as compared to 34,616 tonnes in April 2020. This was due to the seasonal factor (wintering period) which causes the tree to be less productive. Month-on-month comparison also showed a decrease by 36.2 per cent.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The stocks of natural rubber decreased 7.9 per cent in April 2021 to 259,355 tonnes as compared to 281,729 tonnes in March 2021. Rubber processors accounted for 90.3 per cent followed by rubber consumer (9.6%) and rubber estates (0.1%). The decline in stocks was also influenced by factors at the supply level. Thus, the existing stocks was used to accommodate the reduction in production.

Average price of Latex Concentrate recorded a decrease of 623.40 sen per kilogramme as compared to March 2021 (680.20 sen per kilogramme). Standard Malaysian Rubber 20 (S.M.R. 20) also decreased from 707.89 sen per kilogramme to 667.85 sen per kilogramme for the same period. The decline was due to concerns over the global futures rubber market (Malaysian Rubber Board Digest, April 2021).

Total domestic consumption for natural rubber was 47,096 tonnes, an increase of 31.1 per cent as compared to the same month last year. The year-on-year change was


the highest recorded as compared to the change in the first quarter of this year. Meanwhile, comparison with March 2021 showed a decrease of 5.3 per cent.

The use of natural rubber in rubber glove manufacturing continues to lead with 34,716 tonnes or 73.7 per cent of the total domestic consumption in April 2021 followed by rubber thread 4,198 tonnes (8.9%) and tyres and tube 3,588 tonnes (7.6%). The use of natural rubber in rubber glove manufacturing April 2021 increased by 10.4 per cent as compared to 31,456 tonnes in April 2020.

Exports of Malaysia's natural rubber amounted 55,696 tonnes in April 2021, a decrease of 5.4 per cent as against 58,852 tonnes in March 2021. P.R. China remains as the main destination for natural rubber exports with a share of 57.4 per cent from total exports in April 2021 followed by Germany (8.1%), U.S.A (3.9%), Turkey (2.6%) and Finland (2.4%).

“Rubber gloves was the main export item with an export value of RM6.7 billion in April 2021, an increase of 4.7 per cent as compared to March 2021 (RM6.4 billion). U.S.A was the highest importer of rubber gloves followed by Germany and United Kingdom,” he said.

Monthly production, exports, imports, domestic consumption and stocks of natural rubber 2020-2021



The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 JUNE 2021